



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada penerbit-penerbit buku tempatan yang berwibawa dan berkeupayaan dalam bidang penerbitan buku teks serta **berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 010100 (Bahan Bacaan)** bagi Tender berikut :

TENDER MENERBIT, MENCETAK DAN MEMBEKAL BUKU TEKS KBSM KEGUNAAN SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2012 (KOD TENDER : 1/08)

Butir-butir tawaran adalah seperti berikut :

TENDER KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Mata Pelajaran	Kod Dokumen	Harga Dokumen (RM)	Tarikh/ Masa Tutup
Bahasa Arab Tingkatan 3	1/08/01	60.00	03.02.2009 (Selasa) Tepat jam 12.00 tengah hari

2. Dokumen ini boleh dibeli mulai **1 Julai hingga 31 Julai 2008** pada hari Isnin hingga Khamis jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang. Manakala pada hari Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 2.45 petang hingga 4.00 petang. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Draf Bank Berpalang atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. Wang tunai / cek tidak diterima. Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tarikh jualan tamat.
3. Dokumen hanya dijual kepada penerbit yang sah sahaja berdasarkan **Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor ASAL termasuk Sijil Pendaftaran Kontraktor Bumiputera ASAL (jika berkenaan)**. Dokumen ini perlu dikemukakan berserta salinannya setiap satu kepada **Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Borang pendaftaran boleh didapati di **Aras 1, Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya**.
4. **Penerbit yang berminat adalah digalakkan untuk mendaftar dengan Bahagian Buku Teks Kementerian Pelajaran Malaysia.**

5. Penerbit hanya dibenarkan **membeli satu dokumen tender** dan juga menawarkan satu tender sahaja.
6. Dokumen yang telah lengkap diisi dan bahan Pruf Muka Surat (PMS) hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 1, Blok E15, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya. **Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa Tender ditutup adalah dikategorikan sebagai Tender Lewat.**
7. **Taklimat kepada penerbit** akan diadakan pada **22 Julai 2008 (Selasa), jam 9.00 pagi bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 16, Jalan P16, 62150 Putrajaya.** Kehadiran pengurus penerbitan, penulis, editor mata pelajaran, editor am, ilustrator dan pereka grafik untuk taklimat ini adalah **diwajibkan.**
8. **Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Tender terendah atau mana-mana Tender. Keputusan Tender adalah muktamad.**
9. **Keputusan muktamad** tentang tawaran petender bolehlah dirujuk **di papan kenyataan Bahagian Buku Teks atau** dengan melayari laman web **Bahagian Buku Teks iaitu <http://www.moe.gov.my/bbt>**
10. Dokumen dan maklumat lanjut boleh diperoleh dari :

**Bahagian Buku Teks
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1, Blok E15
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya**